

Najib terima RM2.6 bilion bukan satu jenayah, kata Khairy
The Malaysian Insider
August 4, 2015

Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menerima derma politik RM2.6 bilion bukan satu bentuk jenayah.

Ini kerana, katanya, di Malaysia tiada undang-undang menghalang perbuatan itu.

"Di Malaysia, tiada undang-undang yang halang parti politik terima sumbangan daripada penyokong mereka," katanya seperti dilaporkan Malaysiakini.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam mengumumkan, wang RM2.6 bilion dalam akaun peribadi Najib, seperti didedahkan The Wall Street Journal (WSJ), bersumberkan derma dan bukan datang dari dana sarat hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menteri belia dan sukan itu berkata amalan menerima derma politik daripada penyokong dilakukan ramai ahli politik merentasi garisan parti.

"Bukan sahaja Umno dan Barisan Nasional, ahli politik menerima derma daripada penyokong bagi membantu kerja politik.

"Saya pasti semua parti terima sumbangan dari kawan dan penyokong," beliau dilapor sebagai berkata.

Ditanya jika tindakan menerima derma parti menerusi akaun peribadi adalah amalan biasa, Khairy menjawab ada pelbagai cara derma diterima.

Menurutnya, derma itu boleh masuk ke dalam akaun parti atau ke dalam akaun persendirian selagi ia dipegang sebagai amanah terhadap parti.

Penjelasan SPRM semalam tentang wang derma RM2.6 bilion ke dalam akaun Najib menimbulkan perbincangan di kalangan pengguna media sosial yang merujuk Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Sebahagian mereka berpendapat seksyen itu menjadikan istilah "derma" sebagai satu bentuk rasuah berdasarkan definisi perkataan suapan.

Seksyen itu mendefinisikan "suapan" sebagai "wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain". – 4 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-terima-rm2.6-bilion-bukan-satu-jenayah-kata-khairy>